UUM/AA 49/UM/25.09.2005/P: 12(4)

47

Konvokesyen UUM kenang Allahyarham Fawzi Basri

UM 25/9/05 12: 4

SINTOK 24 Sept. – Sultan Kedah menyifatkan kepulangan Profesor Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri ke rahmatullah pada 23 Mei lalu sebagai satu kehilangan yang besar bukan sahaja kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) tetapi juga kepada negara.

Baginda bertitah Allahyarham yang merupakan Naib Canselor kelima universiti itu banyak menyumbang kepada kemajuan UUM selama ini manakala di peringkat nasional pula, Allahyarham pula bergiat aktif dalam usaha memantapkan pembangunan pasukan Askar Wataniah.

"Melalui cetusan ideanya juga, Program Latihan Khidmat Negara telah diperkenalkan melalui Kongres Patriotisme Negara pada tahun 2003, tidak dapat dinafikan bahawa program ini amat bermanfaat kepada generasi muda amnya," titah baginda.

Sultan Kedah yang merupakan Canselor UUM bertitah pada majlis konvokesyen ke-18 unversiti itu di Dewan Muadzam Shah di sini hari ini.

Pada majlis konvokesyen ini, Allahyarham Dr. Ahmad Fawzi telah menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah di samping Sahibul Fadhilah Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady. Datin Aishah Ibrahim, isteri Allahyarham menerima anugerah berkenaan yang disampaikan oleh Sultan Kedah hari ini.

Sementara itu, Aishah berasa terharu atas penghormatan UUM memberikan anugerah berkenaan kepada Allahyarham suaminya.

"Saya berasa terkejut dan tidak menyangka bahawa arwah suami saya akan mendapat anugerah dan penghormatan setinggi ini, saya mengucapkan terima kasih kepada UUM," katanya kepada para pemberita ketika ditemui selepas majlis konvokesyen tersebut.

Menurutnya, selepas dimaklumkan mengenai penganugerahan tersebut, beliau telah berbincang dengan ahli keluarganya dan bersetuju menerimanya bagi pihak Allahyarham.

Aishah yang ditemani dengan ahli keluarganya yang lain hari ini menyifatkan anugerah tersebut merupakan suatu kenangan yang sukar dilupakan bagi memberi galakan kepada anak-anaknya untuk berjaya seperti Allahyarham.